# Pencemaran sungai tidak selesai tanpa tingkatkan penguatkuasaan

Sinar 2/4

**SHAH ALAM** - Hukuman lebih berat tidak mampu menyelesaikan pencemaran air jika terdapat kekurangan tenaga kerja untuk meningkatkan penguatkuasaan.

Memetik laporan *The Star*, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Santiago berkata, semua undang-undang terbaik di dunia tidak akan menyelesaikan pencemaran sungai tanpa penguatkuasaan yang betul.

"Terdapat pelbagai jenis pencemaran seperti farmaseutikal, kumbahan, bahan kimia dan juga cakera komputer dibuang ke dalam sungai.

"Pada asasnya, kita menganggap sungai sebagai tong sampah," katanya.

Charles mencadangkan agar pengawasan dan penguatkuasaan dipertingkatkan bukan sahaja daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) tetapi turut dilakukan oleh agensi lain seperti pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Walaupun hukuman penjara mandatori berfungsi sebagai penghalang, jumlah denda yang tinggi tidak banyak memberi kesan kepada syarikat besar tertentu kerana mereka mampu membayarnya.



CHARLES



NIVAS

"Para pengarah syarikat perlu bertanggungjawab atas sebarang kesalahan mencemarkan sumber air dan kerajaan perlu mengambil tindakan," tegasnya.

Sementara itu, Naib Pengerusi Persekutuan Persatuan Perniagaan Malaysia, Nivas Ragavan berkata, walaupun hukuman lebih berat adalah langkah ke arah yang betul tetapi tidak bermakna tanpa penguatkuasaan kerana kekurangan tenaga kerja.

Beliau turut mencadangkan supaya penguatkuasaan dan penyiasatan terhadap pencemaran sungai diperluaskan kepada agensi lain.

"Kuasa untuk menyiasat harus menjadi usaha sama antara agensi persekutuan dan negeri termasuk PBT, pejabat tanah dan JAS.

"Kilang haram terutama yang berhampiran sungai adalah masalah dan harus menjadi sasaran pihak berkuasa.

"Penguatkuasaan lebih ketat menggunakan teknologi dron dan kecerdasan buatan untuk menjalankan pengawasan boleh membantu mengurangkan pencemaran serta melindungi sumber air," jelasnya.

SINAR HARIAN
Tarikh: 02 APR 2024




Malaysia akan menerima manfaat daripada kitaran teknologi.

sinar 2/4

# Bank Dunia kekalkan ramalan pertumbuhan

Pada kadar 4.3 peratus menerusi Kemas Kini Ekonomi Asia Timur dan Pasifik April 2024

KUALA LUMPUR

Bank Dunia telah mengekalkan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini pada 4.3 peratus menerusi Kemas Kini Ekonomi Asia Timur dan Pasifik April 2024 berdasarkan jangkaan kemungkinan kepada pemulihan pertumbuhan global dan keadaan kewangan yang terhad.

Ketua Ahli Ekonomi Asia Timur dan Pasifik, Aaditya Mattoo berkata, permintaan domestik akan terus menjadi tulang belakang pertumbuhan, dan Malaysia turut bersedia untuk meraih manfaat daripada pemulihan dalam pasaran eksport.

Penggunaan swasta dijangka meningkat 5.2 peratus berbanding 4.7 peratus pada 2023, didorong oleh keadaan pasaran buruh yang menggalakkan dan langkah sokongan pendapatan isi rumah yang berterusan.

Selain itu, eksport kasar diunjurkan naik sebanyak 4.8 peratus daripada penyusutan 7.9 peratus tahun lepas seiring dengan jangkaan pemulihan dalam perdagangan global.

"Berikutan pendedahan Malaysia kepada China, pertumbuhan perlahan di China akan menimbulkan kesulitan.

"Bagaimanapun secara umumnya, Malaysia akan menerima manfaat daripada apa yang dikatakan sebagai kitaran teknologi, yang merangsang eksport elektrik dan elektronik (E&E), dan ia telah mendapat manfaat daripada penempatan semula yang signifikan bagi pengeluaran semikonduktor dari China," katanya pada sidang media melalui Zoom pada Isnin.

Menurut Mattoo, pertumbuhan China diunjurkan menyederhana kepada 4.5 peratus tahun ini daripada 5.2 peratus pada 2023 di tengah-tengah cabaran terdekat seperti hutang yang tinggi dan sektor hartanah yang lembap, selain cabaran jangka panjang seperti pengusiaan dan konflik perdagangan.

Pertumbuhan China yang perlahan dijangka melengahkan pengembangan ekonomi dalam pembangunan Asia Timur dan Pasifik (EAP), yang diramalkan menyusut kepada 4.5 peratus pada 2024 daripada 5.1 peratus tahun lepas.

Pertumbuhan di rantau ini, tidak termasuk China, dianggarkan meningkat kepada 4.6 peratus tahun ini, menokok daripada 4.4 peratus pada 2023. Dalam jangka panjang, beliau yakin pertumbuhan China akan kekal dan lebih tinggi sebaik sahaja ia melepasi peralihan yang sukar ini.

Menurutnya Malaysia mempunyai potensi yang besar untuk meningkatkan ekonominya, namun tidak wajar berpuas hati dengan kadar pertumbuhan semasa. - *Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: ....0 2 APR 2024....

# 17.65 juta kemas kini PADU

## Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak catat pendaftaran tertinggi lebih 60 peratus

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Seramai 17.65 juta bersamaan 58.7 peratus keseluruhan profil rakyat, termasuk ahli isi rumah di bawah 18 tahun yang berjaya dikemaskini dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Ia termasuk 11.55 juta iaitu 52.6 peratus warganegara berumur 18 tahun ke atas yang telah berjaya mendaftar dan mengemaskini profil diri dalam sistem berkenaan.



RAFIZI

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, pihaknya berterima kasih kepada rakyat yang mengambil inisiatif mendaftar PADU, termasuk pasukan pembangunan PADU, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Jabatan Digital Negara, Kementerian Komunikasi serta agensi-agensi lain atas usaha menjayakan pelaksanaan sistem itu.

"Komitmen tinggi dan tidak berbelah bahagi telah ditunjukkan oleh pasukan PADU sejak hari pertama pendaftaran dibuka hingga ditutup pada 11.59 malam, 31 Mac 2024," katanya.

Sementara itu, DOSM akan mengeluarkan keputusan proses penganalisisan dan pengesahan tapisan pertama sistem PADU pada pertengahan April tahun ini.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, walaupun tarikh mengemas kini maklumat dalam sistem berkenaan telah tamat, namun data pengguna sedia ada daripada pelbagai agensi kerajaan akan digunakan terlebih dahulu.

"Insya-ALLAH semoga *first-cut results process analytic* dan *verification* dapat dikeluarkan pertengahan April ini.

"Bagi mereka yang belum sempat mengemas kini maklumat pada tarikh tutup, maka data pentadbiran yang diterima daripada pelbagai agensi akan diguna dahulu dalam proses penganalisisan," katanya dalam satu hantaran di Facebook pada Isnin.

Januari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan PADU iaitu sistem yang mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara serta pemastautin tetap di negara ini.

Objektif PADU ialah sebagai penyediaan pangkalan data utama negara yang selamat, komprehensif dan hampir masa sebenar, analitik data lebih tepat mampu dihasilkan serta membolehkan pelaksanaan dasar secara bersasar bagi mengimbangi kedudukan fiskal.

Sementara itu, Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan memaklumkan, pihaknya juga bakal membentangkan perancangan penyasaran semula subsidi kepada jemaah menteri pada April ini.

"Kepada warganegara yang tidak berjaya mendaftar dan mengemas kini profil di PADU, data pentadbiran sedia ada adalah mencukupi serta akan digunakan untuk kerajaan menentukan kelayakan individu bagi tujuan penyasaran semula subsidi.

"Sekiranya ada keperluan, Kementerian Ekonomi akan umum pembukaan semula PADU untuk tempoh singkat bagi pendaftaran dan pengemaskinian setelah kerajaan membuat keputusan bentuk serta mekanisme subsidi bersasar," ujarnya lagi.

**PECAHAN PENDAFTARAN PADU MENGIKUT NEGERI (%)**

| | |
|---|---|
| Johor | 48.4 |
| Kedah | 58.9 |
| Kelantan | 65.2 |
| Melaka | 53.0 |
| Negeri Sembilan | 56.2 |
| Pahang | 59.7 |
| Pulau Pinang | 52.9 |
| Perak | 60.3 |
| Perlis | 66.9 |
| Selangor | 44.5 |
| Terengganu | 62.7 |
| Sabah | 52.8 |
| Sarawak | 46.7 |
| W.P. Kuala Lumpur | 47.6 |
| W.P. Labuan | 55.2 |
| W.P. Putrajaya | 56.5 |

**JUMLAH: 52.6 PERATUS**

SINAR HARIAN
Tarikh: 02 APR 2024

# Harga barang keperluan masih rendah - PM

sinar 2/4

**Anwar pertahan harga barang keperluan jauh lebih rendah berbanding pentadbiran terdahulu**



Anwar (tengah) beramah mesra bersama sebahagian penjawat awam pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri bersama Warga Kerja Jabatan Perdana Menteri (JPM) Bagi Bulan April 2024 di Dewan Sri Endon Puspanitapuri pada Isnin.

PUTRAJAYA

Harga barangan keperluan seperti ayam, telur dan minyak masak masih rendah dan stabil jika dibandingkan ketika di bawah pentadbiran kerajaan terdahulu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, masih ada sesetengah pihak yang menyelar Kerajaan Madani seolah-olah tidak melakukan apa-apa bagi menangani soal kos sara hidup rakyat.

"Jangan lupa sekitar 2021, 2022 harga ayam adalah RM13 (sekilogram) (kg), sekarang jauh lebih rendah ada yang RM9/kg, RM9.50/kg.

"Dia (pembangkang) ingat kita lupa, masa dia jaga (mentadbir kerajaan) (harga) minyak masak lima kilogram cecah RM45 hingga RM50, sekarang sekitar RM27. Telur ayam sampai tiada telur (dalam pasaran). Sekarang Alhamdulillah stabil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini pada Isnin yang dihadiri lebih 500 penjawat awam.

Anwar dalam pada itu berkata, kegiatan sindiket penyeludupan yang membabitkan beberapa anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia amat menyedihkan lebih-lebih lagi jabatan itu terletak di bawah Kementerian Kewangan.

"Orang yang meremehkan isu rasuah, lupa bahawa dalam satu jabatan kecil daripada pasukan keluarga kastam itu, masih boleh sebabkan kerugian hampir RM2 bilion kepada negara.

"Bayangkan kalau ini berlaku dengan ketirisan minyak diesel, minyak masak yang diambil oleh kalangan tertentu...kalau kita boleh kumpulkan semua, kita boleh selamatkan puluhan bilion ringgit," katanya.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 29 Mac lepas mendedahkan jumlah ketirisan akibat kegiatan sindiket penyeludupan itu mencecah RM2 bilion bagi tempoh tiga tahun lepas.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, setakat ini 34 anggota penguat kuasa dan 27 individu serta pemilik syarikat ditahan menerusi Ops Samba 2.0 kerana melindungi dan memudahkan aktiviti penyeludupan sindiket itu.

Ops Samba 2.0 merupakan operasi diketuai SPRM bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memerangi aktiviti rasuah pegawai agensi penguatkuasaan yang melindungi aktiviti penyeludupan sejak 2017 hingga kini.

Bagi membendung ketirisan kerajaan, Anwar berkata, semua pihak perlu memikirkan kaedah terbaik dalam memastikan bantuan dan subsidi disalurkan kepada golongan sasar seperti yang dilakukan menerusi penyasaran semula subsidi elektrik.

Mengenai Sumbangan Asas Rahmah (SARA) pula, beliau berkata, peruntukannya meningkat lima kali ganda iaitu daripada RM130 juta pada 2023 kepada RM700 juta pada tahun ini dengan kadar SARA dinaikkan RM1,200 tahun ini berbanding RM600 tahun sebelumnya.

Malah, kumpulan penerima sumbangan berkenaan juga ditambah dan diperluas kepada 700,000 penerima dalam kategori miskin tegar dan miskin pada tahun ini, berbanding hanya 210,000 merangkumi golongan miskin tegar pada 2023. - *Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: 02 APR 2024

sinar 2/4

# 8.4 juta rakyat terima STR Fasa 2, peruntukan dinaikkan 20 peratus

**PUTRAJAYA** - Seramai 8.4 juta rakyat Malaysia bakal menerima bayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 2 yang akan dikreditkan mulai Rabu ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peruntukan STR kali ini meningkat sebanyak 20 peratus melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM1.5 bilion berbanding RM1.26 bilion pada tahun lepas.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa meneruskan bantuan STR dan jumlah penerima ditambah kepada sembilan juta pada tahun ini yang memanfaatkan 60 peratus rakyat dewasa.

"Peruntukan STR pada tahun lalu berjumlah RM8 bilion iaitu tambahan berbanding sebelumnya, manakala pada tahun ini jumlahnya ialah RM10 bilion.

"Itu geran secara langsung kepada rakyat, maknanya secara maksimum. Kalau 2023, jumlahnya sebanyak RM3,100 satu keluarga. Pada 2024, ia sebanyak RM3,700 setiap keluarga," katanya menerusi ucapan pada perhimpunan bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini pada Isnin.

Anwar berkata, jumlah bayaran STR untuk golongan bujang juga meningkat pada tahun ini berbanding tahun lalu menyaksikan peningkatan daripada RM350 kepada RM500.

"Jadi, fasa satu sudah bayar pada Januari sebanyak RM500. Insya-ALLAH, fasa dua akan dibayar pada 3 April," jelas beliau.

Sementara itu, Anwar menerusi kenyataan dikeluarkan Kementerian Kewangan berkata, sumbangan berkenaan akan dikreditkan ke dalam akaun penerima dan secara tunai melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) secara berperingkat mengikut kelayakan masing-masing.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, reformasi ekonomi yang diterajui Kerajaan Madani bukan semata-mata untuk memperbetulkan struktur kewangan negara, sebaliknya berbekalkan niat ikhlas untuk memastikan kekayaan negara dapat dikongsi dengan rakyat secara lebih saksama.

"Insya-ALLAH, kerajaan akan tingkatkan lagi bantuan tunai kepada rakyat sejajar dengan penambahbaikan fiskal negara termasuk pelaksanaan penyasaran subsidi kepada golongan yang benar-benar memerlukan," ujar beliau.

Menurut Anwar, kerajaan telah mengambil pendekatan baharu untuk membuka pendaftaran STR 2024 sepanjang tahun bagi memberi peluang kepada lebih ramai rakyat mendapat manfaat daripadanya.

Malah, katanya, bilangan penerima yang layak dijangka terus meningkat pada tahun ini mengambil kira proses permohonan baharu dan kemas kini yang dijalankan sepanjang tahun berbanding setahun sekali sebelum ini.

Pembayaran STR Fasa 1 telah diagihkan kepada 8.2 juta penerima pada Januari lalu.

Bagi kategori isi rumah berpendapatan RM2,500 dan ke bawah, mereka menerima RM100 sehingga RM650, sementara isi rumah berpendapatan RM2,501 hingga RM5,000 layak menerima RM100 hingga RM300.

Penerima bagi kategori warga emas tiada pasangan dan golongan bujang pula masing-masing menerima RM150 dan RM100.

SINAR HARIAN
Tarikh: 0 2 APR 2024

KEWANGAN

sinar 2/4

# Inflasi Malaysia dijangka 2.5 peratus

**KUALA LUMPUR** - Inflasi keseluruhan Malaysia dijangka menyederhana kepada sekitar 2.5 peratus pada 2024, mencerminkan keadaan kos dan permintaan yang stabil, kata Bank Dunia.

Bagaimanapun, ia tertakluk kepada perubahan dalam subsidi kerajaan dan langkah kawalan harga yang berpotensi akan berlaku, katanya dalam Kemas Kini Ekonomi Asia Timur dan Pasifik April 2024.

"Inflasi teras juga mungkin akan menurun pada 2024 dan kemiskinan dijangka terus berkurangan," katanya.

Bank Dunia menekankan bahawa pada Januari 2024, inflasi Malaysia berada pada 1.5 peratus manakala inflasi teras juga menyederhana kepada 1.8 peratus.

"Bank Negara Malaysia mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.0 peratus pada Mac dan dasar monetari dianggap menyokong ekonomi.

"Bank pusat juga menjangkakan inflasi kekal sederhana apabila keadaan kos dan permintaan stabil. Bagaimanapun, walaupun inflasi yang sederhana, isi rumah berpendapatan rendah telah mengalami inflasi yang lebih tinggi," katanya.

Pada Disember 2023, inflasi bagi isi rumah berpendapatan bawah RM3,000 sebulan adalah 1.7 peratus, lebih tinggi daripada inflasi keseluruhan sebanyak 1.5 peratus.

Ia menjejaskan kumpulan pendapatan berkenaan secara tidak seimbang kerana perbelanjaan mereka lebih tinggi untuk keperluan.

Pada masa yang sama, Bank Dunia menyatakan bahawa sasaran sifar kemiskinan tegar kerajaan telah dicapai di beberapa negeri.

Namun begitu, ia menekankan bahawa pandangan lebih luas dan sasaran pembasmian kemiskinan yang lebih bercita-cita tinggi melebihi kadar 0.2 peratus kemiskinan tegar negara semasa turut diperlukan. - *Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: 02 APR 2024



ANWAR beramah mesra bersama warga JPM pada majlis perhimpunan bulanan di Putrajaya semalam.

Penjawat awam Gred 56 ke bawah tersenyum lebar

# Selepas RM2,000, dapat duit raya RM500

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

**PUTRAJAYA** – Semua penjawat awam Gred 56 ke bawah kini tersenyum lebar apabila kerajaan bersetuju menyalurkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri sebanyak RM500 kepada mereka yang akan dibayar pada Jumaat ini.

Pengumuman itu sekali gus mengubati hati penjawat awam yang sebelum ini beranggapan tiada 'bonus' menjelang sambutan Aidilfitri selepas menerima Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sebanyak RM2,000.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, BKK Aidilfitri berkenaan akan turut disalurkan kepada penjawat awam berstatus kontrak.

"Kerajaan bersetuju menyalurkan BKK Aidilfitri sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam Gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak. RM250 pula akan diberikan kepada semua pesara termasuk veteran berpencen dan tidak.

"Insya-Allah, sudah maklum kepada Perbendaharaan dan akan dibayar mulai Jumaat ini," katanya pada majlis perhimpunan bulanan warga Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini semalam.

Anwar memberitahu, beliau memahami kesukaran yang dihadapi penjawat awam walaupun sebelum ini telah menerima bayaran insentif awal RM2,000.

"Apabila jumpa penjawat awam, ada yang cakap kita faham Datuk Seri, tapi ada yang juga cakap sudah habis belanja Datuk Seri.

"Masalahnya benar, perbelanjaan persekolahan, kos sara hidup meningkat sedikit, jadi saya minta saudara doalah supaya politik stabil, dasar ekonomi jelas dan pelaburan domestik serta asing bertambah, kerajaan boleh mempertimbangan bantuan lain kepada rakyat," katanya.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk Adnan Mat pula berkata, bantuan itu merupakan manifestasi penghargaan Perdana Menteri kepada usaha keras penjawat awam selama ini dalam menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah.

"Bantuan ini juga bukti Perdana Menteri sentiasa terbuka mendengar pandangan Ceupacs walaupun pada awalnya terdapat khabar yang memaklumkan kerajaan tidak akan memperuntukkan sebarang bantuan khas untuk Aidilfitri.

"Ia memandangkan penjawat awam sebelum ini telah menerimanya pada Februari lalu," katanya dalam satu kenyataan.

KOSMO
Tarikh: 02 APR 2024

Oleh GHAZALI ALIAS




LEBUH raya utama di seluruh negara dijangka mengalami peningkatan kenderaan memandangkan warga kota pulang ke kampung halaman meraikan Aidilfitri. – GAMBAR HIASAN

# Alternatif atasi kesesakan lebuh raya ketika Aidilfitri

KESESAKAN lalu lintas di lebuh raya merupakan lumrah yang sentiasa berlaku pada musim perayaan termasuk Hari Raya Aidilfitri.

Ketika hari raya, penduduk di ibu kota akan berpusu-pusu pulang ke kampung halaman untuk meraikan Syawal bersama keluarga tercinta.

Ketua Pengarah Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM), Datuk Ir. Sazali Harun berkata, pihaknya menjangkakan bahawa sebanyak 2.46 juta kenderaan akan menggunakan lebuh raya utama pada hari-hari puncak sempena Aidilfitri pada tahun ini.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 2.1 juta kenderaan akan menggunakan lebuh raya di bawah Plus Malaysia Berhad (Plus).

"Bagi pengguna lebuh raya yang menghala ke Pantai Timur dijangkakan trafik di Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak (KLK) akan meningkat sehingga 180,000 kenderaan sehari berbanding hari biasa sebanyak 121,000 kenderaan sehari.

"Selain itu, trafik di Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) juga dijangka meningkat kepada 120,000 kenderaan sehari berbanding hari-hari biasa sebanyak 45,000 kenderaan sehari.

"Manakala bagi LPT2, sebanyak 61,000 kenderaan sehari berbanding 20,000 kenderaan sehari pada hari-hari biasa," katanya.

Tambah Sazali, bagi menghadapi jutaan kenderaan yang bakal menghala ke kampung halaman menggunakan semua lebuh raya, pihaknya telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan kelancaran lalu lintas.

Antaranya adalah meminta syarikat konsesi lebuh raya menempatkan petugas di plaza tol bagi membantu pengguna yang mengalami kesukaran membayar tol.

Ini termasuk pengguna yang mempunyai masalah baki kurang agar tempoh menunggu pengguna-pengguna lebuh raya lain dapat dikurangkan.

"Kita juga meminta agar diperbanyakkan lorong transaksi termasuk pelaksanaan kutipan tol secara berlapis (MTL).

"Selain itu, pihak konsesi disaran memperkenalkan sistem kutipan tol Secara Pembayaran Terbuka (SPT) di 12 lebuh raya utama di dalam bandar termasuk dua lebuh raya di utara tanah air iaitu di Lebuh Raya Butterworth-Kulim (BKE) dan Plaza Tol Jitra, Lebuh Raya Utara-Selatan.

"Melalui kaedah pembayaran secara SPT, pengguna boleh menggunakan kad debit, kad kredit, kad prabayar sebagai alternatif baharu pembayaran tol," ujarnya.

Tambahnya, pelaksanaan *Multi Lane Fast Flow* atau MLFF diharapkan dapat meningkatkan kelancaran pergerakan trafik di lebuh raya, terutamanya mengatasi isu kesesakan di plaza tol pada masa depan.

Sementara itu, pembukaan laluan alternatif merupakan salah satu langkah yang dilaksanakan untuk mengurangkan kadar trafik di lebuh raya utama.

Antara jalan alternatif adalah laluan baharu Seksyen 11, Persimpangan Bertingkat Taiping Selatan ke Persimpangan Bertingkat Beruas, Lebuh Raya Pesisiran Pantai Barat (WCE) yang melengkapkan jajaran di Perak.

Kongsinya, WCE akan menjadi laluan alternatif kepada jalan sedia ada dari Lembah Klang ke utara terutamanya bagi pengguna di sekitar persisiran Pantai Barat.

"LLM menjangkakan pembukaan WCE akan dapat membantu mengurangkan kadar kesesakan di Lebuh Raya Utara-Selatan.

"Pengguna juga mempunyai pilihan untuk menggunakan WCE bagi mengelakkan laluan mendaki atau berbukit di Meru/Menora dan Gua Tempurung, sekali gus memberikan perjalanan lebih selesa," ujarnya.

Katanya lagi, penunggang motosikal juga diingatkan supaya berhati-hati sekiranya menggunakan lorong kecemasan kerana laluan itu bukanlah laluan eksklusif untuk motosikal.

Ujarnya, lorong berkenaan turut digunakan oleh kenderaan lain yang berhenti disebabkan mengalami kerosakan atau sebab-sebab kecemasan.

Sementara itu, LLM telah mengarahkan agar syarikat konsesi sentiasa memastikan pengoperasian lebuh raya dalam keadaan baik terutamanya di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) serta Hentian Sebelah.

Ujarnya, perkara utama yang ditekankan adalah dari aspek memastikan tiada gangguan bekalan air berlaku serta kebersihan diutamakan.

"Sejajar dengan peningkatan jumlah pengguna, kemudahan tandas dan kawasan letak kereta tambahan juga disediakan di R&R.

"Bilangan petugas juga akan ditingkatkan untuk memastikan kebersihan tandas dan kecukupan bekalan air serta minyak di stesen minyak di R&R," ujarnya.



KESESAKAN di plaza tol merupakan perkara biasa pada musim perayaan termasuk Hari Raya Aidilfitri. – GAMBAR HIASAN




SAZALI memaklumkan, pihaknya menjangkakan 2.46 juta kenderaan akan menggunakan lebuh raya sempena lebaran.

KOSMO
Tarikh: 02 APR 2024

HM 2/4 (MBSA)

**OPERASI TANGKAP ANJING LIAR**

# Tengku Permaisuri Selangor tak setuju cara pendekatan

**Shah Alam:** Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dukacita dan kecewa mendengar perkembangan terbaharu mengenai operasi penangkapan anjing berkeliaran di negeri Selangor khususnya.

Menurut kenyataan Selangor Royal Office, Tengku Permaisuri Norashikin sudah berkali-kali menekankan baginda amat tidak bersetuju dengan pendekatan tangkap dan lupus dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk yang tular membabitkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

"Saya percaya banyak lagi kaedah lain yang boleh diguna pakai untuk membendung masalah ini termasuk pemandulan.

"Sebagai Penaung Diraja bagi kempen Stray Free Selangor (SFS) di bawah SPCA Selangor, saya mahu PBT memperinci semula pendekatan baharu yang lebih holistik dalam menguruskan anjing-anjing terbiar ini," titah baginda dalam kenyataan itu, semalam.

Tengku Permaisuri Norashikin menzahirkan perkara itu susulan isu yang tular di media sosial berhubung pelaksanaan *task force* dan penangkapan anjing berkeliaran oleh MBSA.

Menurut kenyataan itu, sebelum ini baginda pernah mencadangkan agar usaha memelihara kebajikan dan mengurangkan bilangan haiwan terbiar ini dipergiat menerusi kempen *Create Caring and Compassionate Communities* (CCC).

"Kempen CCC antaranya menggariskan beberapa inisiatif utama membabitkan kerjasama di antara PBT dengan SPCA dalam mengendalikan sesi-sesi Responsible Pet Ownerships (RPO) bersama penduduk.

"Ini termasuk mendapatkan khidmat nasihat dan pemantauan daripada SPCA dan NGO sekiranya wujud keperluan untuk melupuskan haiwan-haiwan terbiar ini di atas sebab kesihatan atau sebagainya.

"Saya ingin mencadangkan selain daripada program pemandulan haiwan yang lebih meluas, PBT boleh mewujudkan rumah perlindungan haiwan terbiar bagi setiap taman perumahan dengan kerjasama penduduk-penduduk yang sayangkan haiwan.

"PBT juga wajar mewajibkan pemaju perumahan untuk membina atau menyediakan pusat perlindungan seumpamanya," titah baginda.

Tengku Permaisuri Norashikin bertitah, ketika ini SPCA Selangor bersama Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia, Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia dan Persatuan Veterinar Haiwan Kesayangan Malaysia giat mengadakan program pemandulan kucing dan anjing, Potong-Royong.

"Sejak dimulakan pada Mac 2023, sejumlah 1,626 haiwan dimandulkan menerusi program ini sebagai usaha mengurangkan populasi haiwan terbiar.

"Saya juga berpendapat sudah tiba masa untuk pihak berwajib meneliti semula Pekeliling Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bilangan 5 Tahun 2014 mengenai Tatacara Operasi Piawaian (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan agar lebih relevan dengan situasi semasa.

"Saya benar-benar berharap usaha-usaha untuk menjaga kebajikan haiwan terbiar ini akan berterusan dan tidak sekadar melepas batuk di tangga sahaja," titah baginda.

HARIAN METRO
Tarikh: 02 APR 2024

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediaprima.com.my

## ISU PEMBINAAN KUIL DEKAT TAMAN KOPERASI CUEPACS

# Tanah milik persendirian

**Kajang**

Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mengesahkan tapak kuil berdekatan perumahan Taman Koperasi Cuepacs dan Taman Desa Baru di Kajang, Selangor, adalah tanah hak milik persendirian dengan syarat nyata rumah ibadat bukan Islam (RIBI).

Pengarah Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam MPKj, Kamarul Izlan Sulaiman berkata, tanah itu direzabkan untuk Kemajuan Akan Datang berdasarkan pelan susun atur Taman Koperasi Cuepacs diluluskan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor pada 29 Oktober 1987.

Katanya, siasatan pihaknya pada 27 April 2009 mendapati, keadaan semasa tapak kosong dengan kerja pembinaan kuil belum dijalankan, namun terdapat tanda upacara keraian diadakan seperti penemuan pokok pisang di kiri dan kanan pintu masuk ke kawasan itu.



*"Keadaan semasa tapak kosong dengan kerja pembinaan kuil belum dijalankan, namun terdapat tanda upacara keraian diadakan seperti penemuan pokok pisang di kiri dan kanan pintu masuk ke kawasan itu"*

Kamarul Izlan

"Bagaimanapun mengikut surat Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat bertarikh 29 Ogos 2000, Permohonan Untuk Meminda Syarat Nyata Tanah Di Bawah Seksyen 124(1)(c) Kanun Tanah Negara ke atas Hakmilik HS(D) 16094 PT 5934 Mukim Cheras Daerah Hulu Langat daripada bangunan kediaman kepada bangunan kuil, diluluskan kerajaan negeri melalui Mesyuarat Exco Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) bertarikh 5 Julai 2000 kepada Tetuan Koperasi Serbaguna Cuepacs.

"Salinan hak milik sementara yang didaftarkan pada 18 Januari 1988 juga menunjukkan, syarat nyata tanah adalah kuil dan dimiliki Persatuan Pengurusan Kuil Sri Maha Mariamman Taman Koperasi Cuepacs, Kajang," katanya kepada Harian Metro.

Semalam, Harian Metro melaporkan lebih 2,000 penduduk di Taman Koperasi Cuepacs Batu 12 dan Jalan Desa Baru di sini, menggesa kerajaan campur tangan supaya sebuah kuil yang didakwa dibangunkan di kawasan berdekatan tanpa mengikut spesifikasi dirobohkan atau dipindahkan ke lokasi lebih sesuai.

Bagaimanapun, Kamarul Izlan berkata, MPKj mengeluarkan satu Notis Pemberhentian kerja serta merta kepada Pengurusan Kuil Sri Maha Mariamman pada 17 Januari lalu kerana tidak mematuhi syarat ditetapkan termasuk pencerobohan jalan MPKj menggunakan jentera berat di Jalan Desa Baru 2A dan Jalan Cuepacs 5E.

"Pihak kuil diarahkan mematuhi arahan notis itu iaitu memberhentikan serta merta semua kerja tanah dan kerja pembinaan di tapak dan mendapatkan kelulusan Pelan Bangunan daripada MPKj terlebih dahulu," katanya.

Katanya, MPKj juga mengadakan satu mesyuarat pada 6 Februari lalu bagi membincangkan isu bantahan laluan keluar masuk bagi permohonan pindaan kebenaran merancang daripada persatuan pengurusan kuil untuk cadangan membina sebuah kuil satu tingkat.

"Mesyuarat dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kajang, ahli majlis, wakil Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, pol[...] dan jabatan teknikal dal[...] man MPKj dan pihak kuil[...]

"Hasil pertemuan itu, p[...] hak kuil tetap perlu m[...] matuhi garis panduan da[...] syarat ditetapkan MPKj.

"Sehubungan itu, moho[...] semua pihak terbabit m[...] rujuk MPKj terlebih dahul[...] untuk mendapat penjela[...] san berkaitan isu ini," ka[...] tanya.




LAPORAN Harian Metro, semalam.

HARIAN METRO
Tarikh: 02 APR 2024

# Bantuan raya RM500 untuk penjawat awam

**Putrajaya:** Kerajaan bersetuju menyalurkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri sebanyak RM500 kepada penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak yang akan dibayar Jumaat ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, turut mendapat bantuan khas itu adalah pesara kerajaan termasuk veteran berpencen dan tidak berpencen sebanyak RM250.

"Insya-Allah saya telah maklumkan kepada Perbendaharaan supaya BKK Aidilfitri disalurkan mulai Jumaat ini, 5 April 2024," katanya, di sini, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, bantuan khas itu mengambil kira peningkatan kos sara hidup dan perbelanjaan persekolahan walaupun bayaran Insentif Awal sebanyak RM2,000 telah disalurkan pada 23 Februari lalu.

Beliau berkata, BKK itu juga mengambil kira keluhan penjawat awam yang ditemui di Bazar Ramadan ketika lawatan kerja beliau ke Pahang dan Sarawak, baru-baru ini.

Anwar berkata, sekiranya politik stabil, dasar ekonomi jelas dan pelaburan domestik dan asing bertambah, kerajaan boleh mempertimbangkan penyaluran bantuan lain kepada rakyat.

HARIAN METRO
Tarikh: 0 2 APR 2024

# Bisnes



## Banyak pilihan kuih

PENIAGA, Fatin Syahirah Ahmad Jamili menyusun pelbagai jenis kuih raya pada tinjauan persiapan awal Aidilfitri di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR), semalam. Umat Islam dijangka meraikan 1 Syawal pada 10 April ini.

### EKONOMI MALAYSIA 4.3 PERATUS TAHUN INI

HM 2/4

# BANK DUNIA KEKAL UNJURAN

kan menyederhana kepada 4.5 peratus tahun ini daripada 5.2 peratus pada 2023 di tengah-tengah cabaran terdekat seperti hutang yang tinggi dan sektor hartanah yang lembap, selain cabaran jangka panjang seperti pengusiaan dan konflik perdagangan.

Pertumbuhan China yang perlahan dijangka melengahkan pengembangan ekonomi dalam pembangunan Asia Timur dan Pasifik (EAP), yang diramalkan menyusut kepada 4.5 peratus pada tahun ini daripada 5.1 peratus tahun lalu.

Pertumbuhan di rantau ini, tidak termasuk China, dianggarkan meningkat kepada 4.6 peratus tahun ini, menokok daripada 4.4 peratus pada tahun lalu.

> " Permintaan domestik akan terus jadi tulang belakang pertumbuhan
> Aaditya Mattoo

Dalam jangka panjang, beliau yakin pertumbuhan China akan kekal dan lebih tinggi sebaik sahaja ia melepasi peralihan yang sukar ini.

Menurutnya, Malaysia mempunyai potensi yang besar untuk meningkatkan ekonominya, namun tidak wajar berpuas hati dengan kadar pertumbuhan semasa.

Beliau turut menegaskan bahawa Malaysia perlu menangani peningkatan hutang isi rumah yang menekan penggunaan.

Mattoo berkata, hutang isi rumah dan korporat masing-masing adalah melebihi 70 peratus dan 80 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). - Bernama

HARIAN METRO
Tarikh: 02 APR 2024

# Bantuan STR naik RM3,700 sekeluarga

BH 2/4

## Tambahan dana 20 peratus kepada RM1.5b berbanding RM1.26 bilion

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan bersetuju menambah peruntukan program subsidi bersasar Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 2 sebanyak 20 peratus kepada RM1.5 bilion berbanding RM1.26 bilion pada tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata penambahan itu bagi membantu rakyat berpendapatan rendah dan sederhana rendah menangani peningkatan kos sara hidup.

Beliau berkata, seramai 8.4 juta penerima STR Fasa 2 bakal menerima bayaran antara RM100 hingga RM650, esok.

"Insya-Allah, kerajaan akan tingkatkan lagi bantuan tunai kepada rakyat sejajar dengan penambahbaikan fiskal negara termasuk pelaksanaan subsidi bersasar kepada golongan yang benar-benar memerlukan," katanya dalam kenyataan semalam.

Bayaran STR itu turut disalurkan secara tunai melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) secara berperingkat mengikut kategori kelayakan masing-masing.

Mulai 2024, Kementerian Kewangan (MOF) memaklumkan kerajaan mengambil pendekatan baharu untuk membuka pendaftaran STR sepanjang tahun bagi memberi peluang kepada lebih ramai rakyat mendapat manfaat.

### Bantuan SARA meningkat

Sementara itu, pada majlis perhimpunan bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) semalam, Anwar yang juga Menteri Kewangan memaklumkan untuk tahun ini kadar maksimum penerima STR menyaksikan peningkatan iaitu daripada RM3,100 pada tahun lalu kepada RM3,700 membabitkan peruntukan RM10 bilion.

Bantuan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang disalurkan Januari lalu juga meningkat lima kali ganda.

"Tahun 2023 (peruntukan SARA) RM130 juta, 2024 (peruntukan) RM700 juta, penerima dahulu untuk 2023 hanya miskin tegar, untuk 2024 kita tingkatkan untuk miskin tegar dan miskin babitkan 700,000 penerima.

"Jadi saya minta saudara tolong jelaskan walaupun penjawat awam tidak semestinya campur arus politik, ini soal dasar kerajaan dan bagi fakta, kalau tidak, seolah (kita) tidak berbuat apa, ada yang mengatakan sejak kerajaan MADANI, tidak ada apa yang dilakukan dan sebahagian walaupun kata ya benar," katanya.

Perdana Menteri juga menolak kritikan bahawa kerajaan tidak prihatin terhadap permasalahan dihadapi rakyat terutama membabitkan kos sara hidup.

Beliau menjelaskan harga barangan keperluan seperti ayam, telur dan minyak masak masih rendah serta stabil jika dibandingkan ketika kerajaan terdahulu.

"Saya bagi contoh tahun 2021 sebelum pertukaran kerajaan, berapa harga ayam? Sampai RM13 sekilogram (kg), sekarang jauh lebih rendah, minyak masak lima kg ketika itu mencecah RM45, jadi kawan pembangkang saya bising tetapi dia lupa dan dia ingat kita pun lupa.

"Masa dia jaga, harga minyak masak untuk lima kg RM45 hingga RM50, sekarang sekitar RM27. Telur ayam, dahulu heboh tidak ada telur, sekarang stabil dan kita sudah guna penyelarasan subsidi, bayangkan harga ayam turun ketimbang dua tahun lalu tanpa bantuan siling," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh 02 APR 2024



Penjawat awam mendengar ucapan Perdana Menteri pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga JPM, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

BH 2/4

# Penjawat awam dapat duit raya RM500

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam mengumumkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam Gred 56 ke bawah yang akan dibayar Jumaat ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga bersetuju menyalurkan BKK Aidilfitri kepada semua pesara kerajaan, termasuk veteran berpencen serta tidak berpencen.

"Hari ini (semalam), bersamaan 21 Ramadan 1445, saya umumkan, kerajaan bersetuju menyalurkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam Gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak.

"Insya-Allah saya sudah maklumkan kepada Perbendaharaan supaya BKK Aidilfitri disalurkan mulai Jumaat ini, 5 April 2024," katanya pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di PUSPANITAPURI, semalam.

Bulan lalu, penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak turut menerima bayaran insentif awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sebanyak RM2,000 yang disalurkan pada 23 Februari lalu.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, beliau memahami kesukaran yang dihadapi penjawat awam walaupun sudah menerima bayaran insentif awal RM2,000 sebelum ini.

Sementara itu, Presiden CUEPACS, Datuk Dr Adnan Mat, menyifatkan BKK Aidilfitri yang diumumkan Perdana Menteri, semalam, menunjukkan kepimpinan Anwar sentiasa terbuka mendengar pandangan.

BERITA HARIAN
Tarikh: 02 APR 2024

# 17.65 juta rakyat sudah daftar, kemas kini PADU

5H 7/4

## Perancangan penyasaran semula subsidi dibentang kepada Jemaah Menteri bulan ini



*Pendaftaran dan pengemaskinian PADU ditutup tengah malam kelmarin.* (Foto hiasan)


Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my


**Kuala Lumpur:** Seramai 11.55 juta atau 52.6 peratus rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas, sudah mendaftar dan mengemas kini profil masing-masing dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) selepas ia ditutup tengah malam kelmarin.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata jumlah itu menjadikan 17.65 juta atau 58.7 peratus keseluruhan profil rakyat, termasuk ahli isi rumah bawah 18 tahun berjaya dikemaskini di sistem PADU.

Sehubungan itu kata beliau, berdasarkan data berkenaan, Kementerian Ekonomi akan membentangkan perancangan penyasaran semula subsidi kepada jemaah Menteri bulan ini.

"Sebarang pengumuman berkenaan hal ini akan diumumkan kerajaan pada masa akan datang," katanya dalam kenyataan semalam.

Pendaftaran dan pengemaskinian PADU ditutup tengah malam kelmarin, selepas ia mula dibuka kepada orang ramai sejak 2 Januari lalu.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, bagi mereka yang tidak berjaya mendaftar dan mengemaskini profil di PADU, data pentadbiran yang sedia ada mencukupi dan akan digunakan untuk kerajaan menentukan kelayakan individu bagi tujuan penyasaran semula subsidi.

"Sekiranya ada keperluan, kementerian akan umumkan pembukaan semula PADU untuk tempoh yang singkat bagi pendaftaran dan pengemaskinian, selepas kerajaan membuat keputusan bentuk dan mekanisma subsidi bersasar," katanya.

### Perlis rekod tertinggi

Berdasarkan rekod pendaftaran dan pengemaskinian PADU mengikut negeri, Rafizi berkata, Perlis merekodkan peratusan tertinggi dengan 66.9 peratus diikuti Kelantan (65.2 peratus), Terengganu (62.7 peratus) serta Perak, 60.3 peratus.

> "Sekiranya ada keperluan, kementerian akan umumkan pembukaan semula PADU untuk tempoh yang singkat bagi pendaftaran dan pengemaskinian, selepas kerajaan membuat keputusan bentuk dan mekanisma subsidi bersasar"


*Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi*

Sementara negeri yang mencatatkan peratusan pendaftaran dan kemas kini di bawah 50 peratus adalah Johor dengan 48.4 peratus, Selangor (44.5 peratus), Sarawak (46.7 peratus) serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 47.6 peratus.

"Saya mengucapkan penghargaan kepada semua rakyat yang sudah mengambil inisistif untuk mendaftar PADU.

"Komitmen yang tinggi dan tidak berbelah bagi juga ditunjukkan oleh pasukan PADU sejak hari pertama pendaftaran dibuka hingga pendaftaran ditutup," katanya.


BERITA HARIAN
Tarikh 02 APR 2024

# Tiada kerja selenggara jalan hingga 17 April ini

BH 2/4

## Penutupan lorong dihentikan susulan peningkatan trafik sempena Aidilfitri

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Semua kerja penyelenggaraan jalan membabitkan penutupan lorong akan dihentikan sementara mulai semalam hingga 17 April ini sempena perayaan Aidilfitri.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, bagaimanapun berkata hanya kerja kecemasan akan dibenarkan.

"Mulai hari ini (semalam), semua kerja penyelenggaraan jalan membabitkan penutupan lorong akan dihentikan sementara sehingga 17 April sempena perayaan Aidilfitri.

"Cuma untuk kerja kecemasan, kita akan benarkan sekiranya ada keperluan. Rancang perjalanan anda sepanjang musim perayaan nanti!," katanya di Facebook semalam.

### Pulang ke kampung

Umat Islam dijangka menyambut Aidilfitri minggu depan, dengan orang ramai dijadual pulang ke kampung halaman mulai hujung minggu ini.

PLUS Malaysia Berhad (PLUS) sebelum ini menjangkakan kira-kira 2.1 juta kenderaan sehari menggunakan semua rangkaian lebuh raya kendaliannya pada hari puncak sempena cuti perayaan Aidilfitri. Hari puncak itu adalah pada Jumaat, Sabtu ini serta pada 9, 12, 13 dan 14 April.

Sepanjang tempoh itu, angka trafik dijangka menunjukkan peningkatan sebanyak 15 peratus berbanding 1.82 juta trafik sehari pada hari biasa.

Peningkatan aliran trafik juga dijangka tinggi pada 8 dan 9 April ini berikutan pelaksanaan tol percuma di semua lebuh raya kecuali plaza tol di sempadan negara iaitu Tol Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Plaza Tol Tanjung Kupang, Johor.

> "Mulai hari ini (semalam), semua kerja penyelenggaraan jalan membabitkan penutupan lorong akan dihentikan sementara sehingga 17 April sempena perayaan Aidilfitri"
>
> *Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya*



BERITA HARIAN
Tarikh 02 APR 2024

BH 2/4

# Bank Dunia kekalkan unjuran ekonomi Malaysia pada 4.3 peratus

## Negara perlu wujud kaedah baharu jana peluang kerja kepada rakyat

**Oleh Mahanum Abdul Aziz**
mahanum_aziz@bh.com.my

**Bank Dunia** mengekalkan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia 4.3 peratus bagi 2024 dipacu penggunaan swasta serta pemulihan eksport.

Unjuran itu dilihat sejajar dengan jangkaan Bank Negara Malaysia (BNM) antara 4.0 peratus hingga 5.0 peratus bagi tahun ini.

Ketua Ahli Ekonomi Asia Timur dan Pasifik Bank Dunia, Aaditya Mattoo, berkata Malaysia mempunyai peluang besar untuk pertumbuhan selanjutnya dan perlu mewujudkan kaedah baharu bagi menjana peluang pekerjaan kepada rakyat.

Beliau berkata, negara ini mempunyai ekonomi terbuka, justeru kadar faedah global yang tinggi mempunyai kesan kepada negara ini.

Katanya, negara ini juga terdedah kepada China dan mengingatkan pertumbuhan perlahan di ekonomi kedua terbesar dunia itu akan memberi kesan.

"Kami jangka pertumbuhan 4.3 peratus (tahun ini). Ia akan dipacu oleh penggunaan swasta dan terdapat sokongan berterusan pendapatan isi rumah.

"Memandangkan Malaysia bergantung kepada eksport, justeru pemulihan eksport akan memberi manfaat. Malaysia juga akan meraih manfaat daripada eksport elektrik dan elektronik," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas penilaian mengenai ekonomi Malaysia dan cabaran bagi tahun ini pada sidang media Bank Dunia - Pelancaran Laporan Terkini Ekonomi Asia Timur dan Pasifik secara dalam talian, semalam.

### Paras hutang kerajaan

Mengenai paras hutang negara, Mattoo berkata, paras hutang kerajaan masih lagi rendah meskipun ia meningkat secara ketara sejak pandemik.

Beliau berkata, hutang isi rumah dan korporat di negara ini juga tinggi berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Pada 2023, ekonomi Malaysia terus kukuh dan berdaya tahan dengan berkembang 3.7 peratus meskipun keadaan persekitaran luaran mencabar.

Dalam Laporan Terkini Ekonomi Asia Timur dan Pasifik Bank Dunia itu menunjukkan ekonomi negara sedang membangun Asia Timur dan Pasifik berkembang lebih cepat daripada seluruh dunia tetapi lebih perlahan berbanding sebelum pandemik.

Bank Dunia berkata, sementara pemulihan perdagangan global dan keadaan kewangan yang reda dijangka menyokong ekonomi di rantau ini, peningkatan hutang, perlindungan dan ketidakpastian dasar boleh menjejaskan pertumbuhan.

Katanya, pertumbuhan serantau diunjurkan lebih rendah kepada 4.5 peratus pada 2024 berbanding 5.1 peratus pada tahun lalu.

Sementara itu, pertumbuhan dalam negara sedang membangun Asia Timur dan Pasifik tidak termasuk China diunjurkan meningkat kepada 4.6 peratus tahun ini berbanding 4.4 peratus pada 2023.



> "Memandangkan Malaysia bergantung kepada eksport, justeru pemulihan eksport akan memberi manfaat. Malaysia juga akan meraih manfaat daripada eksport elektrik dan elektronik"

***Aaditya Mattoo,***
*Ketua Ahli Ekonomi Asia Timur dan Pasifik Bank Dunia*



BERITA HARIAN
Tarikh.....02 APR 2024.....

## Minda Pengarang

# Lawan rasuah musuh nombor satu negara

**Berapakah** nilai RM2 bilion dalam pembangunan infrastruktur di negara ini? Jumlah itu boleh menampung kos pembinaan 40 sekolah menengah berharga RM50 juta dan lima hospital dilengkapi 304 katil, lapan bilik bedah, 16 bilik bersalin serta 65 bilik konsultasi rawatan pesakit luar bernilai RM400 juta. Itu baru perbandingan secara material tetapi jika dari sudut apa boleh dilakukan dengan wang sebanyak itu untuk mengeluarkan isi rumah miskin tegar dan B40 daripada lingkaran ganas kemiskinan atau menampung kos pendidikan yang dapat melahirkan sumber manusia berilmu dan berkepakaran, kerugian pasti tidak terkira.

Malangnya, nilai itu 'hangus' di sebuah jabatan kecil kerajaan ekoran rasuah dan salah guna kuasa terbaharu berlaku di bahagian kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang dalam tempoh tiga tahun seperti didedahkan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, Jumaat lalu. Dalam Ops Samba 2.0, seramai 34 anggota penguat kuasa dan 27 individu serta pemilik syarikat ditahan membabitkan kegiatan penyeludupan tembakau kunyah, rokok, arak, produk kesihatan dan alat ganti kenderaan.

Semalam ketika berucap di Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) Putrajaya, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melahirkan rasa sedih dan terkesan, apatah lagi masih ada orang meremehkan isu rasuah namun terlupa bahawa tindakan itu boleh menyebabkan kerugian kepada negara. Sudah pasti rasuah dan salah guna kuasa tidak hanya berlaku dalam agensi itu, sebaliknya bersifat struktural serta merentasi pelbagai kementerian seperti yang dapat kita saksikan daripada kes tangkapan dan pendakwaan dari skala bilis hingga jerung yang boleh dikatakan berlaku saban hari.

Hakikatnya, kita tidak boleh berkompromi lagi dengan rasuah dan salah guna kuasa terutama ketika negara berdepan cabaran terbesar pascapandemik di tengah geopolitik dunia meruncing dalam keadaan jumlah hutang negara mencecah RM1.17 trilion atau 64.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2023 hingga kantung kewangan tidak dapat menampung subsidi pukal selama ini diberikan kepada rakyat. Malah, ia bukan hanya soal kerugian dari segi ketirisan dan kehilangan wang, bahkan lebih teruk melahirkan manusia rosak dari peringkat atas hingga ke bawah hingga menormalisasikan jenayah itu dengan istilah seperti duit kopi.

Justeru, kerajaan dan pihak berkuasa terutama SPRM yang menerima 'watikah diperbaharui' daripada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim, semalam perlu membawa amanat baginda, iaitu rasuah wajib diperangi sebagai musuh nombor satu negara dan menjadi tumpuan utama pemerintahan Seri Paduka yang sebenarnya turut menjadi kehendak rakyat yang bersih jiwanya. Semangat ini perlu dibuktikan melalui Strategi Antirasuah Nasional (NACS) 2024-2029 yang akan dilancarkan pertengahan tahun ini menggantikan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, diikuti reformasi institusi diperlukan supaya rasuah dan salah guna kuasa dijadikan jenayah jijik dibenci daripada pemimpin hingga rakyat bawahan.

BERITA HARIAN
Tarikh 02 APR 2024

# 807 projek rumah bernilai RM201.75b dikategori sebagai bermasalah

UM 2/4

**Dari muka 1**

Timbalan Menteri Pembangunan dan Kerajaan Tempatan Malaysia, Datuk Aiman Athirah Sabu berkata, sepanjang dua bulan pertama penubuhan TFST, pihaknya melaksanakan lawatan tapak dan pemantauan secara rapi sebagai agenda tetap dan akan dipergiatkan dalam usaha menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Menurut beliau, bagi suku tahun pertama 2024, sejumlah empat lawatan tapak projek perumahan swasta lewat dan sakit telah diadakan membabitkan dua projek di Seberang Perai, Pulau Pinang dan masing-masing satu di Shah Alam, Selangor serta Langkap, Perak.

"Libat urus bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi teknikal terus diadakan di tapak projek bagi mencapai kata sepakat dan penyelesaian terhadap isu-isu berbangkit. Seterusnya, pemaju sedang mengambil tindakan bagi memenuhi syarat untuk penyiapan projek.

> **"Sehingga 29 Februari lalu, sebanyak 88 projek iaitu sebanyak 10,560 unit perumahan swasta telah berjaya dipulihkan."**

"TFST juga perlu mempergiatkan aktiviti libat urus bersama agensi teknikal, kerajaan negeri, PBT, institusi kewangan, turun padang serta pemantauan menyeluruh terhadap kemajuan projek-projek tersebut terutamanya yang sedang dipulihkan.

"TFST juga akan berusaha dan bergiat aktif bagi memastikan unjuran projek perumahan swasta sakit berakhir pada Disember 2024 adalah kekal atau kurang daripada 505 projek perumahan sakit seperti yang disasarkan," kata beliau pada sidang media di Parlimen semalam.

Mengulas lanjut, Aiman Athirah memaklumkan sehingga 29 Februari lalu, sebanyak 88 projek iaitu sebanyak 10,560 unit perumahan swasta telah berjaya dipulihkan dengan nilai nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM8.23 bilion.

"Jumlah projek yang berjaya ini merangkumi 81 projek yang telah mendapat Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC), lima projek berstatus sakit kembali menjadi lancar dan dua projek terbengkalai telah dipulihkan," katanya.

Dua projek perumahan swasta terbengkalai yang berjaya diselesaikan tersebut membabitkan projek di Taman Daya (Astana Square), Kepong, Selangor selepas ia memperoleh Sijil Kelayakan Menduduki (CFO).

Perpaduan Heights Fasa 1 dan 2, Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang dilaksanakan melalui kaedah penyelesaian pembeli oleh kerajaan negeri.

Tegasnya, KPKT sedia bekerjasama dengan pihak berkepentingan serta sentiasa komited untuk menangani masalah projek sakit dan terbengkalai di seluruh negara.

"Ia adalah bagi menjayakan agenda utama KPKT iaitu demi kesejahteraan pembeli rumah yang terjejas," katanya.



LUAR NEGARA

**Israel berundur dari Hospital Al-Shifa »39**


HUBUNGI KAMI

UNTUK HEBAHAN
- ekonomiutusan@mediamulia.com.my
- gayautusan@mediamulia.com.my
- utusannews@mediamulia.com.my

UNTUK LANGGANAN
019-3330317

UNTUK PENGIKLANAN
- sales@mediamulia.com.my

MediaMulia SDN BHD



UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 02 APR 2024

# Bank Dunia kekal unjuran KDNK Malaysia 4.3% tahun ini

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Bank Dunia mengekalkan unjuran ekonomi Malaysia sebanyak 4.3 peratus tahun ini, didorong oleh jangkaan kemungkinan pemulihan dalam pertumbuhan global, penggunaan swasta dan eksport.

Menurut laporan Tinjauan Kemiskinan Makro Ekonomi Asia Timur dan Pasifik, permintaan dalam negeri akan terus menambat pertumbuhan.

Katanya, penggunaan swasta dijangka berkembang sebanyak 5.2 peratus (2023: 4.7 peratus), didorong keadaan pasaran buruh yang menyokong dan langkah sokongan pendapatan isi rumah yang berterusan.

"Eksport kasar diunjur berkembang sebanyak 4.8 peratus (2023: -7.9 peratus), sejajar dengan jangkaan pemulihan dalam perdagangan global. Pertumbuhan tertakluk kepada beberapa risiko penurunan.

"Pertumbuhan global mungkin lebih lemah daripada unjuran sekiranya keadaan monetari dan kewangan yang lebih ketat. Ketegangan geopolitik yang meningkat juga boleh melemahkan permintaan luar," menurut laporan tersebut.

Sementara itu, Bank Dunia berkata, inflasi domestik yang lebih tinggi dan pertumbuhan pendapatan benar yang lebih lemah boleh menjejaskan kekuatan perbelanjaan penggunaan, terutamanya bagi isi rumah berpendapatan rendah.

Jelasnya, inflasi keseluruhan dijangka menjadi sederhana kepada sekitar 2.5 peratus pada 2024, mencerminkan keadaan kos dan permintaan yang stabil.

"Ramalan ini, bagaimanapun, tertakluk kepada potensi perubahan dalam subsidi kerajaan dan langkah kawalan harga. Inflasi teras juga berkemungkinan lebih rendah pada 2024.

"Kemiskinan dijangka terus menurun. Salah satu fokus kerajaan adalah untuk meningkatkan taraf hidup rakyat melalui pemindahan tunai terus, selain memastikan akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan dan infrastruktur asas.

"Seperti yang diumumkan baru-baru ini, sasaran kerajaan sifar kemiskinan tegar telah dicapai di beberapa negeri," ujarnya.

Namun begitu, laporan itu berkata, pandangan yang lebih luas dan sasaran pembasmian kemiskinan yang lebih bercita-cita tinggi melangkaui 0.2 peratus kemiskinan tegar negara semasa diperlukan.

Dalam Laporan Terkini Ekonomi Asia Timur dan Pasifik Bank Dunia menunjukkan ekonomi negara sedang membangun Asia Timur dan Pasifik berkembang lebih cepat daripada seluruh dunia tetapi lebih perlahan berbanding sebelum pandemik.

Bank Dunia memberitahu, sementara pemulihan perdagangan global dan keadaan kewangan yang reda dijangka menyokong ekonomi di rantau ini, peningkatan hutang, perlindungan dan ketidakpastian dasar boleh menjejaskan pertumbuhan.

Katanya, pertumbuhan serantau diunjur lebih rendah kepada 4.5 peratus pada 2024 berbanding 5.1 peratus pada tahun lalu.

Sementara pertumbuhan dalam negara sedang membangun Asia Timur dan Pasifik tidak termasuk China diunjur meningkat kepada 4.6 peratus tahun ini berbanding 4.4 peratus pada 2023.



UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 02 APR 2024

# PADU akan dibuka semula – Rafizi

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Ekonomi akan membuka semula pendaftaran dan pengemaskinian Pangkalan Data Utama (PADU) untuk tempoh yang singkat setelah kerajaan menentukan bentuk dan mekanisme subsidi bersasar.

Menterinya, Rafizi Ramli berkata, seramai 17.65 juta atau 58.7 peratus rakyat Malaysia berusia 18 tahun berjaya dikemas kini dalam sistem PADU.

Beliau berkata, berdasarkan rekod pendaftaran dan pengemaskinian PADU mengikut negeri, Perlis merekodkan peratusan tertinggi dengan 66.9 peratus diikuti Kelantan (65.2 peratus), Terengganu (62.7 peratus) serta Perak, 60.3 peratus.

Sementara negeri yang mencatatkan peratusan pendaftaran dan kemas kini di bawah 50 peratus jelas beliau adalah Johor dengan 48.4 peratus, Selangor (44.5 peratus), Sarawak (46.7 peratus) serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 47.6 peratus.

"Saya mengucapkan penghargaan kepada semua rakyat yang sudah mengambil inisiatif untuk mendaftar PADU.

"Komitmen yang tinggi dan tidak berbelah bagi juga ditunjukkan oleh pasukan PADU sejak hari pertama pendaftaran dibuka hingga pendaftaran ditutup," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Pendaftaran dan pengemaskinian PADU ditutup tengah malam tadi, selepas ia mula dibuka kepada orang ramai pada 2 Januari lalu.

Seramai 11.55 juta atau 52.6 peratus rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas berjaya mendaftar ke dalam sistem PADU sebelum ia ditutup tengah malam semalam.

Rafizi memberitahu, langkah seterusnya adalah untuk membentangkan perancangan penyasaran semula subsidi kepada jemaah menteri pada bulan ini.

Katanya, sebarang pengumuman berkenaan hal ini akan diumumkan oleh kerajaan pada masa yang akan datang.

"Kepada mereka yang tidak berjaya mendaftar dan mengemas kini profil di PADU, data pentadbiran sedia adalah mencukupi dan akan digunakan untuk kerajaan menentukan kelayakan individu bagi tujuan penyasaran semula subsidi," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 02 APR 2024

PRIVATE CONSUMPTION BOOST

# 'MALAYSIA TO GROW 4.3PC THIS YEAR'




*According to the World Bank, developing East Asia and Pacific is growing faster than the rest of the world but slower than before the Covid-19 pandemic.* AFP PIC

## Country has tremendous potential but has also 'underachieved', says World Bank

ASILA JALIL
**KUALA LUMPUR**
bt@nst.com.my

THE World Bank forecasts Malaysia's economy to grow an "underachieving" 4.3 per cent this year and 4.5 per cent next year, supported by private consumption.

"Malaysia is another country which has underachieved. It has tremendous potential and should not be satisfied with the growth rate we are seeing," said World Bank East Asia and Pacific chief economist Aaditya Mattoo.

"In terms of debt, its government debt is not high, although it has increased significantly in the wake of the (Covid-19) pandemic. Household debt is relatively high at between 60 and 70 per cent of gross domestic product (GDP) and corporate debt is relatively high at more than 80 per cent of GDP.

"It is a relatively open economy and this high global interest rates do have an impact on Malaysia," he said during a virtual briefing held in conjunction with the World Bank East Asia and Pacific economic update.

However, Malaysia is poised to benefit from the expected recovery in export activities.

The excitement in the electrical and electronics sector will also support Malaysia's growth.

"It is a country which has continued to restrict competition, especially in the services sector.

"It made a remarkable transition from commodities to manufacturing but to transition to the more sophisticated manufacturing and services, Malaysia has been stuck.

"Its skilled people choose to leave and work in Singapore. Malaysia's challenge is to generate that virtual cycle between creating human capacity and encouraging new opportunities for Malaysians within Malaysia."

Meanwhile, the World Bank report noted that developing East Asia and Pacific was growing faster than the rest of the world but slower than before the pandemic.

While recovering global trade and easing financial conditions will support economies in the region, increasing protectionism and policy uncertainty will dampen growth.

Regional growth is projected to ease to 4.5 per cent this year from 5.1 per cent last year. Growth in developing East Asia and Pacific excluding China is projected to pick up to 4.6 per cent this year, up from 4.4 per cent in 2023.

China is projected to record moderate growth of 4.5 per cent from 5.2 per cent in 2023, as high debt, a weak property sector, and trade frictions weigh on the economy.

The outlook is subject to downside risks, which include a greater-than-expected slowdown in the global economy, higher-for-longer interest rates in major economies, increased uncertainty around the world about economic policies, and an intensification of geopolitical tensions.

A Special Focus section of the report presented evidence that productivity growth among leading firms in the region had lagged that of leading global companies.

Impediments to competition, uneven worker skills and weak management contributed to lagging productivity growth among firms, it added.

"While growth in per capita incomes in the East Asia and Pacific region has surpassed most other developing economies in recent decades, it has been driven by investment rather than productivity growth.

"Bold policy action to unleash competition, improve infrastructure, and reform education could revitalise the region's economy," said Mattoo.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 02 APR 2024

BY THIS MONTH

# CABINET TO GET REVISED TARGETED SUBSIDY PLAN

## 17.65 million people have put details in Padu, which may be reopened for a brief period, says Rafizi

IYLIA MARSYA ISKANDAR
AND HADI SOLEHIM
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my



*People registering with the Central Database Hub at the Seri Aman People's Housing Project in Kuala Lumpur on Sunday, which was the deadline to sign up for Padu.* PIC BY ASWADI ALIAS

THE Economy Ministry will present a revised targeted subsidy plan to the cabinet sometime this month.

"Any announcement regarding this matter will be made by the government in due course," said its minister, Rafizi Ramli.

A total of 17.65 million, or 58.7 per cent, of Malaysians had updated their details in the Central Database Hub (Padu), he added.

Of this number, 11.55 million, or 52.6 per cent, were citizens above the age of 18.

"Regarding citizens who were unable to register and update their profiles in Padu, the existing administrative data is sufficient and will be used by the government to determine their eligibility for targeted subsidies.

"If necessary, the ministry will announce the reopening of Padu for a brief period for registration and updates, once the government decides on the form and mechanism of targeted subsidies," Rafizi said.

Meanwhile, Chief Statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin thanked Malaysians who registered for Padu, of which its registration and information updating period ended on Sunday.

In his Facebook post yesterday, Uzir said he thanked the public for doing so as this would ensure smooth completion of the system updates.

"Well done and congratulations to all.

"Hopefully, the first-cut results of the analytical and verification process can be released in mid-April," he said.

Padu is a government database that assists in policy making, primarily to determine eligible welfare and subsidy recipients.

On Sunday, as the deadline for registrations came to an end, Malaysians rushed to make sure their information was up to date.

In the final two days leading up to it, Rafizi said that there was a significant spike in registrations, possibly due to growing awareness about the system and concerns about missing out on targeted subsidies.

NST 2/4

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 02 APR 2024

SMUGGLING RACKET BUSTED

2/4 NST

# PM dismayed by reports of Customs corruption

**PUTRAJAYA:** Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has expressed dismay over the case in which 34 Customs Department personnel have been arrested by the MACC over their alleged involvement in a smuggling syndicate.

He said the alleged corruption at that scale, even when it involved a small section of the department, could result in a loss of about RM2 billion to the country in two years.

Anwar added that he was briefed by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) that no senior civil servants or leaders were suspected to be involved in corruption or abuse of power so far.

"Based on information by the MACC, the leadership and senior leadership of civil servants are still spared from the problem of corruption and misuse of power.

"But there are still some other issues which, for me, is very saddening, including news of the Customs Department personnel being involved in corruption," he said at the Prime Minister's monthly assembly here yesterday.

> *But there are still some other issues which for me is very saddening, including news of the Customs Department being involved in corruption.*
>
> **DATUK SERI ANWAR IBRAHIM**
> prime minister

Last week, the MACC detained 34 Customs officers suspected of being involved in the smuggling of various contraband.

MACC Chief Commissioner Tan Sri Azam Baki said the smuggling of chewing tobacco, cigarettes, alcohol, health products and vehicle spare parts was allegedly committed through the Import/Export Branch at Kuala Lumpur International Airport Cargo, Sepang.

Azam said the officers involved allegedly received bribes in exchange for allowing cargo to pass through without checks or declarations.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 02 APR 2024

# Middle class worries about Padu

2/4 N57

## Many concerned about privacy, feel they are not eligible for aid

THE middle class' suspicion and scepticism of the Central Database Hub (Padu), which is to become the arbiter for subsidies, is merited and misplaced. Security vulnerabilities, bothersome registration, privacy overexposure and more starkly, a feeling of futility, are legitimate concerns that deter the mostly Middle 40 and Top 20 income groups from participating.

In response, the government has given its assurance that Padu is reinforced on international standards and best practices, while the information it collects and hardware it uses are protected by the Official Secrets Act and the Computer Crimes Act. Like any new system, teething problems kick in as millions of registrants (10.6 million at the last count) converged on the database, especially last-minute entrants, though the questionnaire accompanying the registration could have been simplified.

As for that rebuke that registering means "stripping yourself naked", where every detail is revealed is, unavoidably, the nature of such a system to measure and appraise net worth as units of eligibility. Granted, its method of collating information is a privacy consideration but also academic.

> *Padu... can make a course correction for middle class registrants to get subsidies.*

For generations, Malaysians have surrendered their privacy to a long list of government keepership: MyKad, passport, income tax declaration, driver's licence, vehicle registration and business permits. Then there's privacy handed over in a bank account, credit and debit cards, bank loan, credit worthiness and insurance. Malaysians also yield personal details to social media via computer apps, news and shopping portals. To think that these privacy particulars are discrete and do not "bounce" on each other is naive. "Sharing is caring" is the online mantra. The government, corporations, banks and major tech companies know everything about you, even if you think you've never divulged anything about yourself. In any case, not registering is irrelevant: basic data is automatically keyed in, thanks to link-ups with the National Registration, Immigration, Inland Revenue and Road Transport Departments.

To avoid Padu's reach, Malaysians must live an anti-social existence. Their only proof of existence and citizenship is a birth certificate and a MyKad. Here's the tricky part: the middle class are discouraged because they think that they aren't eligible to earn the subsidies, a depressing experience that permeated during the Covid-19 pandemic when repeated applications for financial aid were rejected despite the desperation.

Nevertheless, the government countered that it is possible that Padu, now with a comprehensive and more accurate database, can make a course correction for middle class registrants to get subsidies. To further deconstruct the misconception and woo detractors, Padu's registration should be a perpetual exercise instead of a deadline.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 0 2 APR 2024